



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 7 JUN 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEBOLEHPASARAN GRADUAN KPKM CAPAI LEBIH 70%, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KPKM LAHIRKAN 24,801 GRADUAN TERLATIH SEJAK 1969, NASIONAL, SH -23	
3.	RM200 30,000 DILULUS, LOKAL, HM -17	
4.	30,000 PENERIMA DAPAT RM200 MELALUI BUDI MADANI, NEGARA, KOSMO -4	
5.	BANTUAN BUDI MADANI MULA DISALUR ISNIN NI, NASIONAL, SH -4	
6.	BANTUAN TUNAI RM200 ISNIN INI, MUKA DEPAN, BH -1	
7.	BANTUAN PERTAMA SUBSIDI DIBAYAR ISNIN, NASIONAL, BH -4	
8.	'INISIATIF KERAJAAN REFORMASIKAN SUBSIDI', NASIONAL, BH -4	
9.	30,000 FARMERS, SMALLHOLDERS TO GET RM200 CASH AID ON MONDAY, NEWS, NST -3	
10.	MOST BUDI MADANI REJECTIONS DUE TO CRITERIA, NATION, THE STAR -2	
11.	LEBIH 30,000 DILULUS TERIMA RM200 SUBSIDI DIESEL, DALAM NEGERI, UM -14	
12.	KUPANG PD MASIH BELUM SELAMAT DIMAKAN, ISKANDAR PUTERI, SH -28	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13.	TANAM RUMPUT LAUT ELAK DUGONG PUPUS, ISKANDAR PUTERI, SH -28	
14.	AGROBANK SALUR RM2.5 BILION PEMBIAYAAN UNTUK USAHAWAN DI SABAH, SH -ONLINE	AGROBANK
15.	HANYA SEMBILAN KILANG PADI MELAYU MASIH BERTAHAN, DALAM NEGERI, UM -14	LAIN-LAIN
16.	SATU EKAR HASILKAN 30 TAN TEMBIKAI, DALAM NEGERI, UM -32	
17.	KENAPA HANYA BERAS TEMPATAN HILANG DARI PASARAN?, DALAM NEGERI, UM -4	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2024	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

Kebolehpasaran graduan KPKM capai lebih 70%



Graduan lulusan pusat bertauliah KPKM mempelajari kemahiran teknikal selain diterapkan ilmu keusahawanan.

PETALING JAYA: Kadar kebolehpasaran graduan pusat bertauliah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 2022 adalah sebanyak 72.3% berbanding 66.3% pada 2021.

Menurut Bernama, KPKM memaklumkan sejak 1969 sehingga kini, kementerian itu berjaya menghasilkan 24,801 graduan terlatih yang menamatkan pengajian di pusat latihan di bawah KPKM.

“Pertambahan jumlah tenaga mahir dalam bidang agromakanan dapat mempertingkatkan lagi daya saing industri agromakanan negara di pasaran global seterusnya menjamin kelangsungan bekalan makanan,” kata KPKM dalam kenyataan sempena Majlis Konvokesyen Pertanian 2024 di Putrajaya, hari ini.

Seramai 982 graduan telah menerima sijil dan diploma mereka.

Menurut KPKM, graduan telah mengikuti sembilan bidang persijilan kemahiran antaranya tanaman, ternakan ruminan, akuakultur marin dan pengeluaran padi dan tiga persijilan daripada jabatan di bawah KPKM iaitu Sijil Pertanian, Sijil Veterinar Malaysia dan Sijil Perikanan.

Selari aspirasi pelaksanaan dan pembudayaan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) oleh KPKM, graduan lulusan pusat bertauliah KPKM bukan sahaja mempelajari kemahiran teknikal tetapi turut diterapkan ilmu keusahawanan sepanjang tempoh pengajian untuk menjadi nilai tambah di alam pekerjaan atau sebagai asas menjadi usahawan agromakanan berjaya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Arthur Joseph Kurup dalam kenyataan sama berkata KPKM mendokong visi negara ke arah membangun Malaysia Madani di samping memastikan peralihan kepada Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) diterapkan melalui pemerkasaan Sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang ditawarkan.

“Oleh yang demikian, bagi memastikan semua graduan berkemahiran sentiasa relevan dalam industri pertanian, adalah penting bagi kerajaan memperkasakan jaringan ekonomi digital di seluruh negara melalui pelaksanaan pelbagai kerangka strategi serta pelan

tindakan termasuk juga dalam pembangunan dan pengukuhan program TVET di bawah kawal selia KPKM,” katanya.

Menurut Arthur, KPKM juga telah meluluskan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM26.3 juta untuk penyelenggaraan infrastruktur di Pusat Bertauliah KPKM bagi menyediakan prasarana lengkap dan baik untuk pelatih merangkumi 14 program pembangunan yang terlibat di seluruh negara.

KPKM lahirkan 24,801 graduan terlatih sejak 1969

Majlis Konvokesyen Pertanian Ke-12 iktiraf 982 graduan sijil, diploma

Oleh IZWAN ROZLIN
PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berjaya melahirkan 24,801 graduan terlatih di bawah program latihan yang diselia oleh Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) sejak tahun 1969.

Timbalan Menteri, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, pertambahan jumlah tenaga mahir dalam bidang agromakanan dapat mempertingkatkan lagi daya saing industri agromakanan negara di pasaran global, seterusnya menjamin kelangsungan



Arthur (tengah) menyampaikan Anugerah Khas Pingat Emas Menteri KPKM kepada Ahmad Noor Fariz Mohd Isa.

bekalan makanan.

Menurutnya, KPKM mendukung visi negara ke arah membangun Malaysia Madani, di samping memastikan peralihan kepada Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) diterapkan melalui pemerkasaan Sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang ditawarkan.

"Bagi memastikan semua graduan berkemahiran sentiasa relevan dalam industri pertanian, penting bagi kerajaan memperkasa jaringan ekonomi digital di seluruh negara melalui pelaksanaan pelbagai kerangka strategi dan pelan tindakan. Ia termasuk dalam pembangunan dan pengukuhan program TVET di bawah kawal selia KPKM," katanya ketika ber-

ucap pada Majlis Konvokesyen Pertanian Ke-12 di sini pada Khamis.

Pada majlis itu, seramai 982 graduan menerima sijil dan diploma selepas menamatkan pengajian di 15 pusat latihan bertauliah di bawah KPKM pada 2023.

Mereka terdiri daripada 96 graduan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), 482 graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), 337 graduan Sijil Pertanian, 43 graduan Sijil Veterinar Malaysia dan 24 graduan Sijil Perikanan.

Kesemua graduan terbabit telah mengikuti sembilan bidang persijilan kemahiran iaitu Tanaman, Ternakan Ruminan, Ternakan Poltri, Teknologi Perikanan Tangkapan, Akuakultur Marin, Akuakultur Air Tawar, Pengeluaran Padi, Pemasaran dan Pemprosesan Makanan serta tiga persijilan daripada Jabatan di bawah KPKM iaitu Sijil Pertanian, Sijil Veterinar Malaysia dan Sijil Perikanan.

"Lima graduan merupakan penerima tujuh anugerah khas. Pada 2022, kadar kebolehpasaran graduan Pusat Bertauliah KPKM mencatatkan peningkatan kepada 72.3 peratus berbanding 66.3 peratus pada 2021," jelasnya.

Beliau berkata, KPKM melalui institut dan pusat latihan di bawah jabatan dan agensinya akan sentiasa menyemak dan menambah baik kurikulum diguna pakai serta memperuntukkan sumber kewangan mencukupi untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan bagi pelaksanaan program latihan yang dirancang.

"Buktinya, pada tahun ini KPKM meluluskan peruntukan sebanyak RM26.3 juta untuk penyelenggaraan infrastruktur di Pusat Bertauliah KPKM bagi menyediakan prasarana lengkap untuk pelatih merangkumi 14 program pembangunan yang terlibat di seluruh negara.

"Kami berharap graduan merebut peluang dalam industri ini untuk mendapat pekerjaan atau menjadi usahawan dalam bidang agromakanan. Ini kerana graduan TVET bersifat global dan holistik seterusnya membina masyarakat yang multi-tasking serta multi-skilling dalam menghadapi pasaran global," katanya

REAKSI

“

Saya merancang untuk mengusahakan ladang rock melon secara tertigasi menerusi pengalaman yang diperoleh ketika menuntut selama dua tahun dalam Sijil Pertanian (teknologi pengeluaran tanaman) di Institut Pertanian Serdang.”

- Ahmad Noor Fariz Mohd Isa, 27, Penerima Anugerah Khas Pingat Emas Menteri KPKM/Ketua Pengarah Pertanian

“

Sijil Veterinar yang diperoleh ketika menuntut di Institut Veterinar Kluang akan digunakan untuk mengembangkan ternakan lembu, kerbau dan kambing yang diusahakan di kampung halaman saya di Seremban.”

- Kamil Zuhairi, 22, Penerima Anugerah Khas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar/Usahawan Agrobank

“

Pengalaman ketika menuntut dalam Diploma SKM (Penyelarasan Teknologi Tanaman) akan digunakan untuk mengusahakan ternakan lembu dan kambing di Besut, Terengganu.”

- Raudhatul Husni Roshid, 25, Penerima Anugerah Khas Ketua Setiausaha KPKM

“

Alhamdulillah, saya telah bekerja dengan KPKM sebagai pembantu veterinar dan selepas ini saya bercadang untuk melanjutkan pelajaran untuk menaikan lagi gred perkhidmatan.”

- Muhammad Syahir Zainuddin, 26, Penerima Anugerah Khas Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian

“

Saya mementi dunia perikanan dan mahu menyambung pelajaran dalam bidang biomarin yang amat diminati sejak kecil.”

- Sarah Najihah Saki@Marzuki, 22, Penerima Anugerah Khas Ketua Pengarah Perikanan



Antara 982 graduan yang menerima sijil dan diploma pada Khamis selepas berjaya menamatkan pengajian di 15 pusat latihan bertauliah bawah KPKM pada 2023.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2024	HARIAN METRO	LOKAL	17

SUBSIDI DIESEL - BUDI MADANI

RM200 30,000 dilulus

Bernama

Kuala Lumpur

Lebih 30,000 pemohon individu, petani dan pekebun kecil komoditi sudah diluluskan untuk menerima bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif Budi Madani, setakat semalam.

Kementerian Kewangan (MOF) pada kenyataan memaklumkan, penerima akan disalurkan bantuan tunai pertama RM200 pada 10 Jun ini melalui akaun bank penerima manakala penerima tanpa akaun bank boleh menuntut Budi Madani secara tunai dengan membawa MyKad di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) di seluruh Semenanjung Malaysia.

“Pemohon yang berkelayakan masih boleh mendaftar untuk menerima Budi Madani. Permohonan yang dibuat dalam bulan Jun 2024 layak menerima bayaran untuk bulan terbabit dan bulan seterusnya.

“Permohonan yang dibuat selepas Jun 2024 hanya layak menerima bayaran yang bermula pada Julai 2024 dan tidak akan mendapat bayaran untuk Jun

2024,” menurut kenyataan.

Budi Madani adalah usaha kerajaan untuk memastikan peruntukan subsidi disasarkan kepada golongan yang layak meliputi bantuan individu (Budi Individu), petani serta pekebun kecil (Budi Agri-Komoditi) serta syarikat dan kenderaan pengangkutan (MySubsidi Diesel).

Pada masa sama, MOF memaklumkan, berdasarkan data permohonan setakat ini, majoriti pemohon yang tidak diluluskan disebabkan tidak memenuhi kriteria kelayakan ditetapkan, antaranya pemohon petani dan pekebun kecil yang tidak berdaftar di kementerian berkaitan.

Justeru, MOF mengingatkan mana-mana pemohon individu yang tidak diluluskan untuk membuat semakan permohonan serta mengemukakan rayuan di laman sesawang Budi Madani iaitu <https://budi-madani.gov.my>.

Bagi pemohon petani dan pekebun kecil yang masih belum berdaftar di agensi di bawah kementerian berkaitan, mereka dinasihatkan untuk berbuat demikian terlebih dahulu, sebelum mengemukakan permohonan Budi Madani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2024	KOSMO	NEGARA	4

30,000 penerima dapat RM200 melalui Budi Madani

PUTRAJAYA – Lebih 30,000 pemohon melibatkan kategori individu, petani dan pekebun kecil komoditi telah diluluskan untuk menerima bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif Budi Madani pada Isnin depan.

Kementerian Kewangan berkata, penerima akan disalurkan bantuan tunai pertama berjumlah RM200 pada 10 Jun 2024 melalui akaun bank penerima.

Katanya, bagi penerima tanpa akaun bank boleh membuat tuntutan secara tunai dengan membawa MyKad di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional seluruh Semenanjung.

“Pemohon yang berkelayaan masih boleh mendaftar untuk menerima Budi Madani. Permohonan yang dibuat dalam bulan Jun 2024 layak menerima bayaran untuk bulan tersebut dan bulan seterusnya.

“Permohonan yang dibuat selepas Jun 2024 hanya layak menerima bayaran yang bermula pada bulan Julai ini dan tidak akan mendapat bayaran untuk Jun 2024,” katanya dalam kenyataan semalam.

Untuk rekod, Budi Madani ialah usaha kerajaan untuk memastikan peruntukan subsidi

disasarkan kepada golongan layak di mana ia terbahagi kepada bantuan individu (Budi Individu), petani serta pekebun kecil (Budi Agri-Komoditi) selain syarikat dan kenderaan pengangkutan (MySubsidi Diesel).

Di bawah Belanjawan 2024, kerajaan komited untuk menyasarkan semula subsidi bahan api bagi mengekang aktiviti penyeludupan, penyelewengan dan ketirisan subsidi rakyat.

Bagi membendung kenaikan kos sara hidup, kerajaan akan terus menyediakan subsidi diesel bersasar kepada kenderaan pengangkutan awam dan kenderaan pengangkutan barangan darat tertentu.

Bantuan tunai RM200 disediakan kepada individu, petani dan pekebun kecil komoditi yang layak.

Dianggarkan seramai 300,000 pemilik kenderaan diesel persendirian individu di Semenanjung Malaysia layak untuk menerima Budi Individu.

Seramai 68,000 petani, 8,000 penternak dan 34,000 pengusaha akuakultur dengan skala kecil berkeayaan menerima manfaat daripada Budi Agri-Komoditi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

Bantuan Budi Madani mula disalur Isnin ini

MOF lulus permohonan lebih 30,000 pemohon untuk menerima bantuan subsidi tunai

Oleh FARAH SHAZWANI ALI SHAH ALAM

Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan lebih 30,000 pemohon individu, petani dan pekebun kecil komoditi untuk menerima bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif Budi Madani setakat Khamis.

MOF dalam kenyataan memaklumkan, penerima akan disalurkan bantuan tunai pertama berjumlah RM200 pada 10 Jun ini melalui akaun bank masing-masing.

Bagi penerima tanpa akaun bank pula boleh menuntut Budi Madani secara tunai dengan membawa MyKad di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN)

seluruh Semenanjung Malaysia.

"Pemohon yang berkecukupan masih boleh mendaftar untuk menerima Budi Madani. Permohonan yang dibuat dalam bulan Jun 2024 layak menerima bayaran untuk bulan tersebut dan bulan seterusnya.

"Permohonan yang dibuat selepas bulan Jun 2024 hanya layak menerima bayaran yang bermula pada bulan Julai 2024 dan tidak akan mendapat bayaran untuk bulan Jun 2024," kata kenyataan itu.

Budi Madani ialah usaha Kerajaan Madani untuk memastikan peruntukan subsidi disalurkan kepada golongan yang layak, terbahagi kepada bantuan individu (Budi Individu), petani serta pekebun kecil (Budi Agri-Komoditi) dan syarikat dan kenderaan pengangkutan (MySubsidi Diesel).

Menurut MOF, dianggarkan seramai 300,000 pemilik kenderaan diesel persendirian individu di Semenanjung Malaysia layak untuk menerima Budi Individu. Seramai 68,000 petani, 8,000 penternak dan 34,000 pengusaha akuakultur dengan skala kecil juga

Program Bantuan BUDI MADANI

Penyasaran subsidi bahan api diesel melibatkan pemilik kenderaan diesel persendirian individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi serta pengangkutan barang darat di Semenanjung Malaysia

BUDI INDIVIDU
Bantuan subsidi tunai disediakan kepada pemilik kenderaan individu

BUDI AGRI - KOMODITI
Bantuan subsidi tunai disediakan kepada golongan petani, penternak dan pekebun kecil yang layak

MYSUBSIDI DIESEL
Inisiatif khusus kepada kenderaan awam dan pengangkutan barangan darat yang layak untuk terus dapatkan subsidi diesel melalui fleet card

Untuk maklumat lanjut
<https://budimadani.gov.my>
 1-800-88-2747 / 03-8882 4565 / 03-8882 4566
budimadani@treasury.gov.my

Jabatan Perancangan Malaysia

Sumber : Siaran Media MOF | 27 Mei 2024

berkecukupan menerima manfaat daripada Budi Agri-Komoditi.

"Berdasarkan data permohonan setakat ini, majoriti pemohon yang tidak diluluskan adalah atas sebab tidak memenuhi kriteria kecekupan yang ditetapkan. Sebagai contoh, terdapat pemohon petani dan pe-

kebun kecil yang tidak berdaftar di Kementerian yang berkenaan," jelasnya.

Bagi pemohon individu yang tidak diluluskan, mereka boleh membuat semakan permohonan serta mengemukakan rayuan di laman sesawang Budi Madani iaitu <https://budimadani.gov.my>.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2024	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

BUDI MADANI kenderaan diesel persendirian, petani

Bantuan tunai RM200 Isnin ini

Inisiatif BUDI MADANI iaitu program subsidi khas untuk pemilik kenderaan diesel persendirian dan pengusaha sektor pertanian di Malaysia akan mengagihkan bantuan tunai RM200 kepada lebih 30,000 individu, petani dan pekebun kecil komoditi pada Isnin ini bagi membantu mengurangkan tekanan kenaikan kos sara hidup.

Oleh Suzalina Halid dan Alzahrin Alias

→ **Nasional** 4



BUDI MADANI

Bantuan pertama subsidi dibayar Isnin

Lebih 30,000 pemohon dapat RM200 bagi kurangkan beban kos sara hidup

Oleh Suzalina Halid dan Alzahrin Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lebih 30,000 individu, petani dan pekebun kecil komoditi menjadi kumpulan pertama menerima bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif BUDI MADANI berjumlah RM200 pada Isnin ini.

Inisiatif BUDI MADANI adalah satu program subsidi diesel khas untuk pemilik kenderaan diesel persendirian dan pengusaha sektor pertanian di Malaysia.

Menurut Kementerian Kewangan, semua 30,000 permohonan yang diluluskan itu akan menerima wang tunai subsidi mereka melalui akaun bank penerima, manakala penerima tanpa akaun bank boleh menuntut BUDI MADANI secara tunai dengan membawa MyKad di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Semenanjung.

"Bagi membendung kenaikan kos sara hidup, kerajaan akan terus menyediakan subsidi die-

sel bersasar kepada kenderaan pengangkutan awam dan kenderaan pengangkutan barangan darat tertentu.

"Bantuan tunai RM200 hanya disediakan kepada individu, petani dan pekebun kecil komoditi yang layak," kata Kementerian itu dalam kenyataan, semalam.

BUDI MADANI ialah usaha kerajaan memastikan peruntukan subsidi disalurkan kepada golongan yang layak, terbahagi kepada bantuan individu (BUDI Individu), petani serta pekebun kecil (BUDI Agri-Komoditi) dan syarikat serta kenderaan pengangkutan (MySubsidi Diesel).

Di bawah Belanjawan 2024, kerajaan komited untuk menyasar semula subsidi bahan api bagi mengekang aktiviti penyelewengan, penyelewengan dan ketirisan subsidi rakyat.

Dianggarkan lebih 300,000 pemilik kenderaan diesel persendirian individu di Semenanjung layak untuk menerima BUDI Individu, manakala 68,000 petani, 8,000 penternak dan 34,000 peng-

Program Bantuan Subsidi MADANI (BUDI MADANI) merangkumi 5 elemen

Pengiraan

Pengiraan

SEDIA ADA

BAHARU

1

Pengangkutan Awam

- Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 1.0)
- Subsidi melalui fleet card untuk 10 jenis kenderaan pengangkutan awam

2

Nelayan

- Skim Subsidi Diesel Nelayan untuk nelayan kategori A/B/C
- Kuota subsidi berdasarkan hasil tangkapan

3

SKDS 2.0

- Peluasan SKDS 1.0 untuk meliputi 23 segmen baharu kenderaan pengangkutan barangan melalui fleet card

4

Individu

- Bantuan tunai bulanan interim kepada individu dengan kelayakan tertentu yang memiliki kenderaan diesel tidak mewah

5

Petani & Pekebun kecil

- Bantuan tunai bulanan interim kepada pengusaha kecil pertanian & komoditi dengan hasil jualan tahunan antara RM450,000 - RM300,000

20,000 15,000

400,000 300,000 300,000

51% daripada jumlah kenderaan diesel layak mendapat sokongan

51% daripada jumlah kenderaan diesel layak mendapat sokongan

usaha akuakultur dengan skala kecil layak menerima manfaat daripada BUDI Agri-Komoditi.

Pada masa sama, menurut Kementerian Kewangan, pemohon yang layak masih boleh mendaftar untuk menerima BUDI MADANI.

Katanya, permohonan yang dibuat dalam bulan ini layak menerima bantuan tunai untuk bulan berkenaan dan bulan seterusnya. Permohonan yang dibuat selepas Jun 2024 hanya layak menerima bayaran yang bermula pada Julai 2024 dan tidak akan mendapat bayaran untuk Jun 2024.

"Berdasarkan data permohonan setakat ini, majoriti pemohon yang tidak diluluskan adalah atas sebab tidak memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan."

"Sebagai contoh, terdapat pemohon petani dan pekebun kecil

yang tidak berdaftar di Kementerian yang berkaitan," katanya.

Menurut Kementerian Kewangan, bagi pemohon individu yang tidak diluluskan, mereka boleh membuat semakan permohonan serta mengemukakan rayuan di laman sesawang BUDI MADANI iaitu <https://budimadani.gov.my>.

Petani dan pekebun kecil yang masih belum berdaftar di agensi di bawah Kementerian itu dinasihatkan untuk berbuat demikian terlebih dahulu, sebelum mengemukakan permohonan untuk BUDI MADANI.

Untuk mengetahui lebih lanjut berhubung syarat kelayakan BUDI MADANI, orang ramai boleh melayari <https://budimadani.gov.my> atau menghubungi talian bantuan BUDI MADANI di nombor 1-800-88-2747 / 03-8882 4565 / 03-8882 4566 atau secara e-mel di budimadani@treasury.gov.my.

Pertanyaan dan maklumat lanjut juga boleh diperoleh di semua pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di seluruh Semenanjung.

Penyasaran subsidi diesel

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mengesahkan kerajaan sudah menetapkan tarikh pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dan akan diumumkan dalam

masa terdekat.

Rafizi berkata, pengumuman tarikh itu tidak boleh dibuat terlalu awal bagi mengelakkan ketirisan di pelbagai peringkat.

Katanya, pengumuman awal akan mengakibatkan pembekal menyimpan stok dan berlaku penyelewengan.

"Adakah ia akan sama dengan tarikh penerimaan pertama bantuan tunai BUDI MADANI pada 10 Jun ini? Ia bergantung kepada pengumuman."

"Kerajaan tidak mahu umum terlalu awal berdasarkan kepada pertimbangan beberapa faktor. Pertama, kita tak nak ada kesan kepada inflasi, selain tak mahu pembekal simpan bekalan diesel atau berlakunya penyelewengan."

"Program rasionalisasi subsidi diesel dan petrol ini masih di landasan yang betul seiring dengan sasaran garis masa yang ditetapkan," katanya selepas merasmikan Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024 di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Perangkaman Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin; Pengerusi Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC), Datuk Dr Ahmad Suhailli Idrus; Ketua Pegawai Eksekutif MPRC, Mohd Yazid Ja'afar dan Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral) Kementerian Ekonomi, Datuk Dr Yatimah Sarjiman.



'Inisiatif kerajaan reformasikan subsidi'

Kuala Lumpur: Pemberian bantuan tunai bulanan BUDI MADANI adalah inisiatif kerajaan mereformasikan subsidi ke atas golongan sasaran, termasuk petani dan nelayan dengan menguruskan sendiri subsidi berdasarkan keperluan masing-masing.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekubun Kecil Malaysia (PKPKM), Adzmi Hassan, berkata kerajaan tidak boleh lagi menguruskan subsidi untuk mereka, sebaliknya sudah tiba masa kumpulan sasar itu melalui proses reformasi

menguruskan sendiri subsidi.

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya meminta supaya permohonan bagi mendapatkan BUDI MADANI dipermudahkan dengan mengambil data Pangkalan Data Utama (PADU).

"Secara prinsipnya kita nyokong pemberian subsidi ini dan ia umpama reformasi bagi rakyat, termasuk petani dan pekebun supaya menguruskan sendiri subsidi dan bukan lagi kerajaan yang uruskan."

"Jumlah RM200 itu diyakini mencukupi untuk menampung

diesel, malah kita percaya bantuan terbahagi juga boleh digunakan untuk membeli barangan keperluan asas lain."

"Selain itu ia juga boleh menangani masalah ketirisan subsidi seperti berlaku sebelum ini," katanya kepada BH, semalam.

Adzmi berkata, pihaknya mahu lebih ramai ahli PKPKM membuat permohonan bagi mendapatkan BUDI MADANI.

"Jika pekebun kecil mengambil hasil sawit kira-kira dua kali dalam sebulan di kebun, bantuan RM200 itu boleh menampung

bahan diesel.

"Bagi penghantaran buah sawit ke kilang pula, ia menggunakan pengangkutan lain," katanya.

Dengan pemberian subsidi tunai itu juga, beliau berkata, ia tidak boleh dijadikan alasan bagi peniaga untuk menaikkan harga barangan kerana kos pengangkutan kebiasaannya hanya mewakili 30 peratus daripada keseluruhan kos.

Apatah lagi katanya, pelaksanaan penyasaran subsidi diesel itu sudah ditampung dengan pemberian BUDI MADANI.

Secara prinsipnya kita menyokong pemberian subsidi ini dan ia umpama reformasi bagi rakyat, termasuk petani dan pekebun supaya menguruskan sendiri subsidi

Adzmi Hassan,
Presiden
PKPKM



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2024	NST	NEWS	3

BUDI MADANI

30,000 farmers, smallholders to get RM200 cash aid on Monday

KUALA LUMPUR: More than 30,000 individuals, farmers and smallholders will get the first RM200 Budi Madani cash assistance on Monday through their bank accounts.

The Finance Ministry said those without a bank account could claim the aid in cash by bringing their MyKad to any Bank Simpanan Nasional (BSN) branch.

People who applied in June would be eligible for payment for that month and the following months, while applications made after this month would only be eligible for payments starting July, the ministry said in a statement.

Budi Madani is a government initiative to ensure that subsidy allocations are targeted at eligible groups; divided into individual assistance (Budi Individu), farmers and small growers (Budi Agri-Komoditi), and companies and transport vehicles (MySubsidi Diesel).

It is estimated that 300,000 private diesel vehicle owners in the peninsula are eligible to receive Budi Individu, and 68,000 farmers, 8,000 livestock farmers, and 34,000 small-scale aquaculture operators are eligible to benefit from Budi Agri-Komoditi.

According to the ministry, most of applications were not approved due to the applicants failing to meet the specified eligibility criteria.

For individual applicants who have yet to receive approval, they can check their application status and appeal on the Budi Madani website at <https://budimadani.gov.my>.

For farmers and smallholders who are yet to register with agencies under the relevant ministries, they are advised to do so before submitting a Budi Madani application.

For more information on the eligibility criteria for Budi Madani, visit <https://budimadani.gov.my> or contact the Budi Madani helpline at 1-800-88-2747 / 03-8882 4565 / 03-8882 4566 or via email at budimadani@treasury.gov.my.

Further inquiries and information can also be obtained at all Inland Revenue Board offices throughout Peninsular Malaysia.

Most Budi Madani rejections due to criteria

KUALA LUMPUR: The majority of applicants for the Madani subsidy assistance programme (Budi Madani) were not approved as they did not meet the eligibility criteria set, says the Finance Ministry.

Among them were farmers and small-scale growers who were not registered with the relevant ministry's agencies, it said.

It added individual applicants who were not approved are advised to check their application status and submit an appeal on the Budi Madani website (<https://budimadani.gov.my>).

Farmers and small-scale growers who are not registered with the agencies under the relevant ministry are advised to do so first before submitting the Budi Madani application.

As of yesterday, the ministry reported that more than 30,000 applicants had received approval for cash subsidy assistance under the Budi Madani initiative.

It added the recipients will receive the first cash assistance amounting to RM200 each, which will be disbursed on June 10 through their bank accounts, while those without a bank account can claim the subsidy in cash by bringing their MyKad to any Bank Simpanan Nasional (BSN) branch throughout Peninsular Malaysia.

"Eligible applicants can still register to receive Budi Madani. Applications submitted in June 2024 are eligible to receive payment for both June and the following month.

"Applications submitted after June 2024 will only qualify to receive payments starting in July 2024 and will not include June payments," the ministry said in a statement, according to Bernama.

Budi Madani is the government's effort to ensure subsidy allocations are targeted to eligible groups, including individual assistance (Budi Individu), farmers and small-scale growers (Budi Agri-Komoditi), as well as companies and transport vehicles (MySubsidi Diesel).

Other than the website, the public can contact the Budi Madani helpline at 1-800-88-2747



Close watch: Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali conducting an inspection off the Malaysia-Thailand border. — Bernama

/ 03-8882 4565 / 03-8882 4566 or email budimadani@treasury.gov.my, as well as visit any Inland Revenue Board (LHDN) offices throughout Peninsular Malaysia.

It is estimated that a total of 300,000 individual diesel vehicle owners in Peninsular Malaysia are eligible to receive the Budi Individu, while a total of 68,000 farmers, 8,000 livestock breeders, and 34,000 small-scale aquaculture operators are qualified to receive benefits from Budi Agri-Komoditi.

7/6/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

14

Hanya sembilan kilang padi Melayu masih bertahan

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamalaysia.com.my

KANGAR: Hanya sembilan atau 5.4 peratus daripada 167 kilang beras milik orang Melayu di seluruh negara yang masih meneruskan operasi dalam serba kesukaran sejak 15 tahun lalu.

Kilang dan pemborong beras kecil Melayu ini mungkin gulung tikar dan semakin sukar untuk bertahan berikutan sejumlah syarikat besar atau taikun beras membeli harga padi yang terlalu tinggi daripada pesawah.

Justeru, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzuki Othman berkata, kerajaan melalui Kawal Selia Padi dan Beras perlu menarik balik atau tidak memperbaharui lesen broker atau pelesen yang beroperasi kurang 20 kilometer dari kilang padi komersial.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Marzuki berkata, pelesen dan broker inilah yang memindahkan padi dari kawasan yang sepatutnya dijual di kilang berhampiran ke kilang-kilang

Taikun beras tawar RM1,800 kepada pesawah

MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

KANGAR: Sebuah syarikat besar atau taikun beras dibayar mengawal kilang padi dan memproses harga kilang padi yang tinggi serta menjual beras kepada pesawah.

Bungkus beras tempatan sebagai beras import, jual harga mahal

Menurut sumber dalam sebuah kilang beras, taikun beras ini membeli beras tempatan dan menjualnya sebagai beras import, menjualnya dengan harga yang lebih tinggi.

Belakangan ini, taikun beras ini membeli beras tempatan dan menjualnya sebagai beras import, menjualnya dengan harga yang lebih tinggi.

besar yang menaja mereka dengan komisen tinggi.

Ujarnya, pelesen padi yang berada di luar kawasan jejari lebih 20 kilometer hanya boleh dibenarkan menyediakan kemudahan untuk petani memasarkan padi mereka.

"Pelesen atau broker yang hanya bermaksud penimbang dan bangsal pemunggaan padi dan tanah yang tidak ditukar syarat tetapi mendapat keuntungan besar atas hasil petani.

"Sebagai orang tengah, mereka secara langsung menaikkan

kos pengeluaran beras tempatan.

"Ini sekali gus menjuruskan pengilang-pengilang besar membungkus beras dengan menukar gred beras tempatan yang dikawal harganya dengan menipu pengguna sebagai beras import," katanya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan sejumlah syarikat besar atau taikun beras didakwa mengawal kumpulan broker padi dan menawarkan harga belian padi yang tinggi iaitu antara RM1,600 hingga RM1,800 per

tan metrik kepada pesawah.

Golongan taikun yang diktakan menguasai lebih 70 peratus bekalan beras negara juga didakwa memberi komisen antara RM100 sehingga RM200 per tan kepada pelesen atau broker untuk membawa padi kepada syarikat atau kilang besar terlahir.

Menurut sumber dalam sebuah kilang beras, tawaran lumayan itu membuka ruang kepada syarikat-syarikat besar ini memanipulasi proses pembungkusan yang menyaksikan beras tempatan 'bertukar' menjadi beras import selain dijual dengan harga lebih tinggi.

Sebelum ini, akhbar ini pernah melaporkan kilang-kilang padi Melayu mungkin hanya tinggal nama dan semakin sukar untuk bertahan berikutan terpaksa menanggung kerugian beras ekoran permainan harga belian melibatkan kilang-kilang besar.

Kilang-kilang besar ini lazimnya bersaing sesama sendiri membeli padi dengan harga tinggi antara RM1,800 hingga RM2,100 bagi satu tan metrik.

Lebih 30,000 dilulus terima RM200 subsidi diesel

PUTRAJAYA: Lebih 30,000 pemohon melibatkan kategori individu, petani dan pekebun kecil komoditi diluluskan untuk menerima bantuan subsidi tunai di bawah inisiatif Budi Madani pada 10 Jun ini.

Kementerian Kewangan memaklumkan, penerima akan disalurkan bantuan tunai pertama berjumlah RM200 melalui akaun bank penerima.

Katanya, bagi penerima tanpa akaun bank boleh membuat tuntutan secara tunai dengan membawa MyKad di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Semenanjung.

"Pemohon yang berkelayakan masih boleh mendaftar untuk menerima Budi Madani. Permohonan yang dibuat dalam Jun layak menerima bayaran untuk bulan tersebut dan bulan seterusnya.

"Permohonan yang dibuat selepas Jun hanya layak menerima

bayaran bermula Julai dan tidak akan mendapat bayaran untuk Jun," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Untuk rekod, Budi Madani merupakan usaha kerajaan untuk memastikan peruntukan subsidi disalurkan kepada golongan layak di mana ia terbahagi kepada bantuan individu (Budi Individu), petani serta pekebun kecil (Budi Agrikomoditi) selain syarikat dan kenderaan pengangkutan (MySubsidi Diesel).

Di bawah Belanjawan 2024, kerajaan komited untuk menyasarkan semula subsidi bahan api bagi mengekang aktiviti penyeludupan, penyelewengan dan ketirisan subsidi rakyat.

Bagi membendung kenaikan kos sara hidup, kerajaan akan terus menyediakan subsidi diesel bersasar kepada kenderaan pengangkutan awam dan kenderaan pengangkutan barangan darat tertentu.

7/6/2024

SINAR

ISKANDAR

18

HARIAN

PUTERI

Kupang PD masih belum selamat dimakan

Hasil analisis kerangan itu masih dicemari biotoksin berbahaya

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
ISKANDAR PUTERI

Phak DOF akan berterusan mengambil sampel air dan kupang dari perairan Port Dickson pada setiap dua minggu bagi mengesan kewujudan biotoksin berbahaya.



Analisis sampel air dan kupang di perairan Port Dickson mendapati kandungannya masih dicemari biotoksin berbahaya dan tidak dibenarkan untuk dimakan.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, analisis terbaru mendapati bacaan toksinnya sudah semakin berkurangan dan menghampiri kadar piawaian standard yang ditetapkan iaitu 800 per bilion (ppb).

Jelas beliau, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) akan berterusan mengambil sampel air dan kupang dari perairan tersebut pada setiap dua minggu bagi mengesan kewujudan biotoksin berbahaya.

"Phak DOF akan terus menjalankan pemantauan sehingga bacaan kembali ke paras normal dan selamat untuk dimakan.

"Kita juga membuat pengawasan bersama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Sehingga kini larangan terhadap

pengusaha kupang atau kerang untuk menjual kerangan-kerangan atau cangkang kerang dari Port Dickson masih terpakai demi keselamatan pengguna," katanya.

Bellau berkata demikian semasa sidang akhbar selepas melancarkan Program Rasa-rasa Akuakultur dan Jelajah Unggulan Perikanan Negeri Johor tahun 2024 di Kompleks Jabatan Perikanan Negeri Johor di sini pada Khamis.

Pada 2 April lalu, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNS) memaklumkan lapan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang di Port Dickson.

Mengulas lanjut, Wan Muhammad berkata, bacaan pertama biotoksin

bagi kes tersebut antara 20,000 hingga 30,000 ppb, melebihi kadar piawaian ditetapkan.

Menurutnya, bacaan terkini yang diambil adalah antara 900 hingga 1,000 ppb di beberapa kawasan sekitar perairan itu dan menghampiri paras normal.

"Bagaimanapun, kita tidak mahu mengambil risiko dan larangan mengambil kerangan di kawasan itu masih berkuat kuasa kerana dikhuatiri menjejaskan kesihatan," katanya.

Tambah beliau, kerajaan Negeri Sembilan dan Pusat telah memberi ganti rugi dalam bentuk tunai kepada kira-kira 45 penternak kerang-kerangan yang terjejas pendapatan disebabkan isu tersebut.



WAN MUHAMMAD AZNAN

Tanam rumput laut elak dugong pupus

ISKANDAR PUTERI - Jabatan Perikanan (DOF) dengan kerjasama institut pengajian tinggi awam (IPTA) sedang melaksanakan penanaman semula rumput laut di Pulau Tinggi dan Pulau Sibu, Mersing.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, usaha itu melibatkan pakar-pakar DOF dan IPT bertujuan memulihara tumbuhan tersebut di dua pulau berkenaan yang merupakan kawasan ragut dan habitat dugong.

"Selain itu, kita juga akan meletakkan kima (kerang gergasi) untuk membantu habitat dugong ini kerana rumput laut juga akan hidup di kima dan seterusnya dimakan dugong," katanya.

Bellau berkata demikian mengulas mengenai usaha DOF bagi mengelak kepupusan dugong di perairan Mersing selepas merasmikan Program Pelancongan Rasa-Rasa Akuakultur dan Jelajah Unggulan Perikanan Negeri Johor di sini pada Khamis.

Dua gajah musnahkan tanaman penduduk

KLUANG - Sebanyak 12 pokok kelapa sawit dan 10 pokok pisang di kawasan kebun milik penduduk Kampung Melayu Niyor di sini musnah dikerjakan dua gajah pada Selasa.

Ketua Kampung Melayu Niyor, Mohd Isa Mohd Yunus berkata, gajah tersebut mencabut pokok-pokok tersebut di kebun itu, selain turut masuk ke aset kelapa sawit di sini untuk mencari makanan.


"Selepas gajah beredar, pemeriksaan penduduk kampung mendapati tanaman dirosakkan dan terdapat juga tapak kaki gajah.

"Gajah yang menceroboh dan merosakkan kawasan tanaman kelapa sawit itu dekat sangat dengan rumah penduduk kampung iaitu hanya terletak 150 meter kedudukannya," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor Aminuddin Amin ketika dihubungi berkata, pihaknya sudah memaklumkan pemilik kebun berkenaan serta memberikan khidmat nasihat supaya tindakan mitigasi dilaksanakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Agrobank salur RM2.5 bilion pembiayaan untuk usahawan di Sabah



Tengku Ahmad Badli Shah (dua dari kiri) ketika kunjungan hormat ke pejabat Menteri Sabah baru-baru ini.

AGROBANK telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM2.5 bilion sejak 2019 hingga 2023 yang memanfaatkan usahawan dalam sektor utama seperti pertanian, perikanan dan penternakan di Sabah.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, dengan pembiayaan sedia ada, pihaknya akan terus menyokong pembangunan ekonomi di negeri berkenaan.

“Pihak kami telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Menteri Sabah bagi membincangkan inisiatif dan impak Agrobank dalam memperkukuhkan sektor pertanian di Sabah terutamanya di kawasan luar bandar.

“Antara inisiatif Agrobank untuk komuniti Sabah adalah program pembiayaan kerjasama bank dengan Aqina Borneo Sdn Bhd bagi projek ladang kontrak tanaman nanas MD2 di Beaufort dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM6 juta.



Tengku Ahmad Badli Shah (kanan) ketika kunjungan hormat ke pejabat Menteri Sabah baru-baru ini.

“Agrobank juga menawarkan dana pemula bagi golongan B40 Pemulih NewBiz dan pembiayaan khusus untuk usahawan wanita (Agro TERAS Nisaa) sehingga Disember 2023 selain terbabit dengan program pembangunan usahawan asnaf,” katanya

dalam satu kenyataan pada Khamis.

Agrobank bekerjasama dengan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pertanian Negeri, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, serta Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga.

Kerjasama tersebut bagi mendapatkan prospek pelanggan pembiayaan untuk pelbagai jenis dana di bawah seliaan Agrobank.

Mengulas lanjut, Tengku Ahmad Badli Shah berkata, inisiatif tersebut selaras dengan agenda Sabah Maju Jaya yang memfokuskan pertumbuhan ekonomi dalam sektor utama khususnya pertanian.



Tengku Ahmad Badli Shah (tengah) menyerahkan cederahati ketika kunjungan hormat ke pejabat Menteri Sabah baru-baru ini.

“Ia bagi mengoptimumkan sumber dan hasil negara, membangunkan modal insan, memakmurkan masyarakat serta negeri tersebut.

“Selain itu, ia manifestasi mandat kami untuk menyediakan akses perbankan yang inklusif

meliputi komuniti di luar bandar dalam usaha mempergiat ekonomi dan menaik taraf hidup di samping membuka peluang pekerjaan kepada lokaliti setempat,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Satu ekar hasilkan 30 tan tembikai

LIPIS: Berbekalkan tanah seluas 0.4 hektar, seorang petani dari Kampung Binjai di sini mampu tersenyum bangga apabila mampu menuai hasil tembikai sebanyak 30 tan sejak mengusahakannya empat tahun lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Muhammad Faddli Mohamad Osman, 45, berkata, dia mempelajari teknik menanam tembikai boci dari penduduk kampung yang berasal dari Indonesia sebelum membuka langkah memulakan projek berkenaan.

Bapa kepada empat cahaya mata itu berkata, biarpun sudah mengusahakan tanaman jagung sebagai pendapatan utama, namun projek tembikai boci diusahakannya mampu mengeluarkan hasil yang cukup baik.

“Proses penanaman tembikai dilakukan dua kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Mac. Ia mengambil masa kira-kira 70 hari sebelum dituai dengan matang.

“Sejumlah RM5,000 diperlukan sebagai modal pusingan bagi setiap musim untuk membeli biji benih, baja, plastik untuk menutup batas dan racun.

“Saya menjual dengan harga borong sekitar RM1.70 setiap kilogram bergantung kepada gred buah,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Kenapa hanya beras tempatan hilang dari pasaran?

INGATKAN sudah selesai, rupanya belum. Beras tempatan masih sukar diperoleh di pasaran.

Baru-baru ini, penulis berkunjung ke rangkaian sebuah pasar raya di Meru, Klang untuk membeli beras berkenaan. Namun, hampa apabila rak beras tempatan kosong. Yang ada pelbagai jenama beras import. Paling murah RM20.55 sekampit berat 5 kilogram.

Yang menjadi kemusykilan adalah pemiakluman tertera: "Beras tempatan maksimum 1 unit setiap pelanggan"

Bagi penulis, ia mengundang persoalan. Bagaimana pelanggan hendak beli beras tempatan jika beras itu pun tidak ada di rak jualan?

Apabila diajukan kepada seorang jurujual, jawapannya: "Dah dua hari bekalan habis dan stok baharu tak sampai-sampai lagi."

Dan semalam, penulis sekali lagi berkunjung ke beberapa rangkaian pasar raya berkenaan sekitar Meru dan Petaling Jaya. Situasi sama, beras tempatan masih tidak ada di rak jualan. Yang ada hanya beras import pelbagai jenama.

Kelihatan beberapa pembeli lama berdiri di rak, mencari beras tempatan. Namun, mereka tiada pilihan, terpaksa beli beras import meskipun dijual pada harga lebih mahal. Niat utamakan produk tempatan terpaksa diketepikan.

Situasi beras tempatan hilang dari pasaran menimbulkan bermacam soalan kepada penulis. Kemana pergi sebenarnya beras tempatan? Betulkah disorok sebagaimana didakwa pihak tertentu sebelum ini?

Atau, apakah pengeluaran beras tempatan berdepan masalah serius sehingga tidak mampu membekalkan bekalan di pasaran? Atau, mungkinkah ada 'permainan' oleh pihak tertentu bagi mencapai maksud tertentu? Persoalan-persoalan di atas perlu kepada jawapan.

Ditambah pula laporan *Utusan Malaysia* semalam, tindakan taikun beras menawarkan harga tinggi sehingga RM1,800 satu tan metrik kepada pesawah. Dilaporkan, beras itu kemudiannya akan dibungkus sebagai beras import dan dijual lebih mahal. Perlakuan tidak bertanggungjawab. Jika benar, kita nantikan tindakan daripada pihak berkuasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini dilaporkan mengarahkan stok bekalan barangan keperluan rakyat itu diedarkan ke seluruh negara. Bagaimanapun, mengambil situasi di atas, arahan itu gagal dilaksanakan.

Menurut satu laporan, pada masa ini Malaysia memerlukan 1.8 juta tan beras untuk menampung keperluan rakyatnya. Dan negara hanya mengeluarkan beras kurang 65 peratus daripada keperluan. Hakikatnya, negara masih belum mencapai tahap sara diri (SSL) beras.

Sedangkan, permintaan terhadap beras semakin meningkat, seiring pertambahan populasi. Laporan Jabatan Perangkaan baru-baru ini menyatakan, penduduk Malaysia berjumlah 34.0 juta pada suku pertama 2024, meningkat 2.3 peratus berbanding suku sama 2023.

Penggantungan yang tinggi terhadap beras import dalam jangka masa panjang mendedahkan negara terhadap tekanan dasar perdagangan negara pengeksport. Ini belum mengambil kira ketidakstabilan harga pasaran makanan global dan krisis antarabangsa yang mungkin menjejaskan eksport-import.

Justeru, langkah konkrit perlu diambil untuk memastikan bekalan beras tempatan sentiasa ada di pasaran dan dijual pada harga mampu. Rakyat pula boleh membeli berapa kampil beras yang mereka perlu, tanpa ada 'catuan'.

Jika masalah bekalan beras tempatan di pasaran pun masih gagal ditangani, bagaimana mungkin kerajaan khususnya Kementerian dengan nama 'keterjaminan makanan', dapat menjamin bekalan makanan seluruhnya untuk rakyat Malaysia. Kerajaan Madani adalah kerajaan yang progresif, ayuh bertindak.

Yulpisman Asli adalah Pengarang Berita *Utusan Malaysia*